

Headline	Hulu Dungun `bergelap` musim bah		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	07 Jan 2024	Language	Malay
Circulation	166,774	Readership	500,322
Section	Semasa	Page No	12
ArticleSize	235 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,297		



## Hulu Dungun 'bergelap' musim bah

**DUNGUN** – Kira-kira 3,000 penduduk di Hulu Dungun di sini merayu pihak berwajib menyelesaikan masalah bekalan elektrik dan liputan telekomunikasi setiap kali musim banjir.

Lima perkampungan yang terjejas ialah Kampung Minda, Kampung Talong, Kampung Rantau Panjang, Kampung Teput dan Kampung Kuala Jengai.

Seorang penduduk, Che Ku Fahimi Che Ku Mat Salleh, 50, berkata, isu bekalan elektrik dan liputan telekomunikasi terputus setiap kali musim banjir di kawasan tersebut sudah berlarutan sejak lebih 10 tahun lalu.

"Kami faham Tenaga Nasional Berhad (TNB) terpaksa memutuskan bekalan elektrik ekoran pencawang ditenggelami air, tetapi impaknya menyebabkan kami terputus terus dengan dunia luar.

"Ketiadaan bekalan elektrik dan talian komunikasi itu kadang-kala berlarutan melebihi empat hari," katanya semalam.

Che Ku Fahmi berkata, sepanjang tempoh itu, kehidupan mereka yang dikeping ban-

jir bagaikan terasing dengan dunia luar selain terpaksa bergantung kepada lilin dan lampu suluh pada waktu malam dan berpanas.

"Jaringan telekomunikasi terputus menyebabkan sukar untuk berkomunikasi dengan agensi penyelamat untuk memohon bantuan kecemasan.

"Saya berharap pihak berwajib mencari jalan penyelesaian agar masalah ini dapat diatasi dan tidak lagi berulang pada masa akan datang," katanya.

Penduduk lain, Mohd. Aeri Adnan, 37, mengakui segelintir penduduk mengambil risiko meredah Sungai Dungun dengan bot untuk keluar mencari kawasan yang mempunyai liputan telekomunikasi.

"Kami perlu menaiki bot hampir sejam untuk tiba di Kampung Besol yang mempunyai liputan telekomunikasi bagi menggunakan telefon dan internet untuk urusan kerja.

"Memang berisiko meredah Sungai Dungun kerana arusnya deras dan banyak timbunan sisa kayu balak, tetapi itu sahaja pilihan yang ada," katanya.



**KAWASAN** Hulu Dungun yang ditenggelami banjir gelombang ketiga baru-baru ini.